

30 SEP 1998

Ramli - Zahid

UMNO PERAK MASIH TUNGGU LAPORAN POLIS MENGENAI ZAHID

IPOH, 30 Okt (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Perak masih menunggu laporan polis mengenai kedudukan Ketua Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi, yang juga Ketua Umno Bahagian Bagan Datoh, serta Ketua Pemuda bahagian Lumut Dr Zambry Abdul Kadir yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) minggu lepas.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata Umno negeri masih belum menerima sebarang laporan ataupun surat pengesahan daripada pihak polis mengenai penahanan kedua-dua pemimpin pemuda Umno itu.

Beliau berkata surat pengesahan itu penting bagi Umno Perak untuk mengambil tindakan terhadap jawatan kedua-dua mereka yang pada masa ini masih dibiarkan kosong.

"Hanya setelah mendapat pengesahan daripada pihak polis, baru Umno Perak dapat mengambil tindakan untuk melantik pemangku ke jawatan itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di pejabatnya di sini.

Zahid dan Dr Zambry ditahan minggu lepas kerana dikenalpasti menjadi orang suruhan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk melakukan angkara yang boleh menjejaskan ketenteraman awam.

Sementara itu, mengenai surat terbuka kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad oleh Ketua Pemuda Umno Beruas, Ali Mansor, yang tidak puas hati dengan tindakan Dr Mahathir memecat Anwar berserta dakwaan yang semuanya fitnah, Ramli berkata pihaknya masih menyiasat sama ada surat itu sebenarnya ditulis oleh Ali atau orang lain.

Surat terbuka itu disebarkan di rumah Anwar sebelum Anwar ditangkap pada 20 Sept lepas.

Ramli berkata jika Ali didapati bersalah, tindakan sewajarnya akan diambil ke atasnya.

-- BERNAMA

HK oba